

<https://journal.unisza.edu.my/mjis>

**[THE KNOWLEDGE COMPETENCY OF ISLAMIC EDUCATION TEACHER
INTEGRATED RELIGION PRIMARY SCHOOL SELANGOR]**

**KOMPETENSI PENGETAHUAN GURU PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH
RENDAH AGAMA INTEGRASI NEGERI SELANGOR**

¹ KAMARULNIZAM SANI

¹ ZETTY NURZULIANA RASHED

¹ NORZIAH OTHMAN

² HAMDI ISHAK

¹ Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor,
Persiaran Putra, Bandar Seri Putra,
43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA

² Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA

*Corresponding author: kama.sani06@gmail.com

Received Date: 10 April 2021 • Accepted Date: 8 June 2021

Abstract

Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Selangor appreciates and recognizes the service of Guru Pendidikan Islam (GPI). This recognition is seen from teacher's competency and commitment aspects in delivering duties as educators. Therefore, this study revolves around researching features in GPI knowledge competency concept in Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) negeri Selangor. Objective of this study; to explore the knowledge competency of GPI SRAI. This study uses a study case design with findings are discussed descriptively. Qualitative data obtained from semi structural interviews in class teacher's teaching observation and document analysis. NVivo10 was used to identify teacher's competency theme and factors by analysing data in continuous comparison technique. As many as five GPI has been chosen as interviewee. Overall, the study found that the knowledge competency factors in the content aspect of GPI's lesson are subjects, syllabus, appreciation of practice and interest. The pattern of the findings of this study produced GPI's competency models namely GPI Knowledge Competency Model (GPIKCM). This study can be used as a guide to all parties, especially to the State Islamic Education Division, District Islamic Education Unit, schools and teachers.

Keywords: Competency, Knowledge, Lesson Content, Islamic Education Teacher, SRAI.

Abstrak

Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Selangor menghargai dan mengiktiraf perkhidmatan Guru Pendidikan Islam (GPI). Pengiktirafan ini dilihat daripada aspek kompetensi dan komitmen guru dalam melaksanakan amanah sebagai pendidik. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan mendalami konsep kompetensi guru pendidikan Islam di Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) negeri Selangor. Manakala objektif khusus kajian ini adalah bagi meneroka kompetensi pengetahuan dari aspek isi kandungan pelajaran yang diajar oleh GPI SRAI. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes yang dibincangkan dapatannya secara deskriptif. Data kualitatif diperoleh melalui temu bual semi berstruktur, pemerhatian pengajaran dan analisis dokumen. Data ini dianalisis dengan teknik perbandingan berterusan menggunakan perisian Nvivo10 bagi mengeluarkan tema kompetensi pengetahuan isi kandungan pelajaran GPI. Seramai lima GPI dipilih sebagai peserta temu bual kajian ini. Secara keseluruhannya, kajian mendapati faktor kompetensi pengetahuan dalam aspek isi kandungan pelajaran GPI terdiri daripada aspek subjek, sukatan pelajaran, penghayatan amalan dan minat. Pola dapatan kajian ini menghasilkan kerangka model kompetensi GPI iaitu Model Kompetensi Pengetahuan GPI (MKPGPI). Kajian ini boleh dijadikan panduan kepada semua pihak khususnya kepada Bahagian Pendidikan Islam Negeri, Unit Pendidikan Islam Daerah, sekolah dan guru-guru.

Kata Kunci: Kompetensi, Pengetahuan, Isi Kandungan Pelajaran, Guru Pendidikan Islam, SRAI

Cite as: Kamarulnizam Sani, Zetty Nurzuliana Rashed, Norziah Othman & Hamdi Ishak. 2020. Kompetensi pengetahuan guru Pendidikan Islam sekolah rendah agama integrasi Negeri Selangor. *Malaysian Journal for Islamic Studies* 5(1): 1-13.

PENGENALAN

Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah memulakan projek rintis pendidikan inovasi mereka pada tahun 2000 dengan menubuhkan Sekolah Rendah Agama Integrasi atau singkatannya SRAI di lapan buah daerah di negeri Selangor. Pelaksanaan projek rintis ini diteruskan sehingga tahun 2010. Manakala selepas 10 tahun, SRAI telah melengkapkan jumlah sekolah yang beroperasi bertambah kepada 11 buah sekolah (Mohd Kamal, 2012).

Dalam pada itu, matlamat penubuhan SRAI adalah mengintegrasikan pendidikan Islam dan pendidikan kebangsaan secara bersepadu. Hubungan kedua-dua sistem pendidikan kebangsaan dan pendidikan Islam ini telah memainkan peranan penting dalam melahirkan kemenjadian murid yang holistik (Syed Muhammad Naquib, 1998). Oleh yang demikian, pelaksanaan sistem pengintegrasian ini tercapai dengan tertubuhnya SRAI melalui mesyuarat Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam (STANCO), dan mesyuarat Jawatankuasa Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) bersama Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor (SRAI Selangor, 2011).

Keperluan kepada kajian kompetensi guru pendidikan Islam mempunyai hubungkait dengan aspek pengetahuan, kemahiran dan sifat keperibadian guru itu sendiri (Hay MacBer, 2007). Ia bersesuaian dengan saranan agama Islam itu sendiri yang menggalakkan umatnya berusaha bersungguh-sungguh bagi membentuk kecemerlangan dalam kehidupan (Kamarul

Azmi, 2012). Fenomena kompetensi guru di Malaysia, dibangunkan secara lestari dengan kewujudan gelombang pertama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Menurut Awatif, Mohd Shafie, Muhammad Hashimee, Ainon dan Muafah (2019), fokus utama PPPM 2013-2025 adalah untuk meningkatkan standard profesionalisme guru berdasarkan kepada Standard Guru Malaysia (SGM).

Bagi mencapai tahap penilaian kualiti perkhidmatan pendidikan, GPI di SRAI perlu memiliki kompetensi sebagai pemangkin dalam kecemerlangan. Penerapan kompetensi terhadap seseorang guru dapat memberi kesan dalam mencapai kualiti pembelajaran murid (Awang Had, 1998), seterusnya berperanan sebagai agen perubahan dalam mentransformasi pendidikan ke arah lebih berkualiti (Idris & Hamzah, 2013). Kesimpulannya, keperluan bagi mengkaji aspek kompetensi GPI di SRAI perlu diperluaskan. Pihak JAIS perlu mempunyai satu kerangka konseptual terhadap kompetensi guru agar dapat melahirkan lebih ramai guru yang berkualiti dalam perkhidmatan dan profesion keguruan, berkomitmen tinggi, sentiasa bermotivasi dan berdedikasi dalam melaksanakan tanggungjawab dan tugas. Natijah daripada itu, konsep kompetensi perlu dijadikan sebagai asas kepada pengurusan sumber insan khususnya melibatkan guru agar konsisten cemerlang.

KONSEP KOMPETENSI

Kompetensi berasal dari perkataan ‘*competence*’ yang diambil dari asal perkataan Latin iaitu ‘*competer*’. Maksud perkataan ini diertikan sebagai ‘*to be suitable*’ merujuk kepada sesuatu yang bersesuaian (Nordhaug & Grouhaug, 1992). Menurut perspektif Daud (2003) memberikan maksud kompetensi adalah “*competence, proficiency, skillful and skill*”. Manakala Dharma (2003) pula memberikan penakrifan kompetensi sebagai keupayaan atau kecekapan yang ditunjukkan oleh seseorang individu semasa melaksanakan sesuatu tugas dan tanggungjawab.

International Board of Standards for Training, Performance and Instruction (IBSTPI) mentakrifkan kompetensi sebagai keupayaan menjalankan tugas dengan menggabungkan segala aspek kompetensi seperti pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi. Manakala Freeman (2017) telah memperincikan lagi aspek kompetensi ini kepada motivasi dan keazaman bagi mencapai kecemerlangan. Menurut Abu Hasan (2014), apabila aspek kompetensi ini dapat dihayati dan dilaksanakan ketika menjalankan tugas, maka peningkatan prestasi dapat dilihat. Hal demikian turut disokong oleh Mohammed Sani Ibrahim, Ahmad Zabidi dan Husaina Banu (2015), menyatakan bahawa kompetensi ini menjadi piawai dalam prestasi perkhidmatan dan tugas seseorang individu.

Justifikasinya, kompetensi diperlukan dalam menjalankan sesuatu tugas khusus kepada anggota penjawat awam (Ilhaamie Abdul Ghani Azmi, Zainal Ariffin Ahmad & Yuserrie Zainuddin, 2008). Menurut Pekeliling Bil 6. Tahun 2005, anggota perkhidmatan awam yang berkemampuan dalam menjalankan tugas, dapat meningkatkan prestasi perkhidmatan mereka (Malaysia, JPA, 2005). Hal demikian ditegaskan lagi oleh Ilhaamie et al. (2008) faktor kompetensi juga dapat menilai prestasi individu dengan cara yang adil agar perkhidmatan secara telus dan cemerlang dapat diberikan.

PENYATAAN MASALAH

Walaupun kajian kompetensi telah berjaya dijalankan di peringkat global dan dalam negara, namun ianya masih lagi terdapat kekurangan dalam kajian fenomena kompetensi guru di SRAI. Konsep guru cemerlang pendidikan Islam KPM memiliki aspek yang berbeza dengan konsep guru cemerlang pendidikan Islam JAIS. Guru cemerlang pendidikan Islam KPM menjadikan Standard Guru Malaysia sebagai panduan dalam menilai kecemerlangan kompetensi guru (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2021). Manakala guru cemerlang pendidikan Islam di JAIS menetapkan 'guru cemerlang' adalah guru yang menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) (Jabatan Agama Islam Selangor, 2019). Oleh itu kajian ini dilakukan bertujuan mengkaji adakah kualiti guru pendidikan Islam JAIS yang dianugerahkan APC menepati piawaian dan Standard Guru Malaysia seperti mana yang dipraktikkan oleh guru cemerlang pendidikan Islam KPM.

Analisis data dari cadangan Struktur Pelan Operasi Latihan Jabatan Agama Islam Selangor Skim Perkhidmatan Gred DG 29 yang dikeluarkan oleh Unit Pembangunan Profesionalisme Keguruan (UPPK) Institut Murabbi Negeri Selangor mendapati bahawa program latihan peningkatan profesionalisme bermula tahap dua hingga tahap empat masih lagi tidak memiliki modul kompetensi yang khusus. Daripada 25 buah program yang telah dirangka, hanya terdapat empat program yang mempunyai panduan dan modul khusus (Mohd Hanif, 2021). Kekurangan ini menyebabkan UPPK tidak memahami secara jelas kandungan modul kompetensi untuk dijadikan panduan. Kelompongan data ini menyukarkan UPPK menggubal instrumen yang diperlukan bagi menilai tahap kompetensi guru dan cadangan latihan lanjutan.

Isu perjawatan guru pendidikan Islam di JAIS telah mula dibincangkan dalam Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Tahun 2017. Data statistik yang telah dibentangkan mendapati jumlah guru lantikan tetap (DG29-DG52) adalah seramai 1,028 orang. Manakala jumlah guru kontrak adalah 486 orang (Dewan Selangor, 2017). Perangkaan ini telah menetapkan bahawa kerajaan negeri Selangor tidak akan menyerap secara automatik guru kontrak ini ke jawatan tetap perkhidmatan awam (Harakah Daily, 2017). Daripada perspektif yang berbeza, guru kontrak KPM seperti guru interim dan guru sandaran merupakan berstatus jawatan kontrak pada awalnya. Namun demikian, jawatan ini boleh diserap ke jawatan tetap apabila guru tersebut menyambung pengajian ke Diploma Pendidikan (Permohonan, 2021). Oleh demikian, pengkaji perlu meneroka kompetensi dan kualiti perkhidmatan guru pendidikan Islam JAIS walaupun segelintir mereka tiada jaminan untuk diserapkan ke perjawatan tetap.

OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk meneroka bentuk kompetensi pengetahuan isi kandungan pelajaran yang diajar oleh GPI SRAI di negeri Selangor. Bagaimanakah kompetensi pengetahuan isi kandungan pelajaran yang diajar oleh GPI SRAI di negeri Selangor merupakan persoalan kajian yang memerlukan jawapan dan perbincangan yang mendalam.

METODOLOGI KAJIAN

Dalam konteks kajian ini, pengkaji memilih rekabentuk kajian kualitatif atau pun kajian kes bagi tujuan meneroka kompetensi pengetahuan isi kandungan pelajaran GPI SRAI. Metod utama bagi mendapatkan dan mengumpulkan data khusus dan terperinci berkaitan kompetensi GPI SRAI adalah dengan melibatkan temu bual (Kamarul Azmi, 2012). Lima orang GPI yang mengajar di SRAI di negeri Selangor merupakan peserta dalam kajian ini yang dipilih berdasarkan persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Manakala Lokasi kajian dijalankan di empat buah SRAI di negeri Selangor dengan tujuan untuk memahami fenomena kajian.

ANALISIS DAPATAN KAJIAN KOMPETENSI PENGETAHUAN GPI SRAI NEGERI SELANGOR

Analisis kajian ini membincangkan tentang kompetensi pengetahuan GPI SRAI yang menyentuh pemahaman seorang GPI mengenai fakta, peraturan, prinsip konsep atau proses melaksanakan sesuatu tugas. Oleh demikian, kompetensi GPI ini difokuskan bagi meneroka kategori pengetahuan isi kandungan pelajaran yang diajar di SRAI.

Isi Kandungan Pelajaran

Menurut Nor Hasmaliza (2016), pengetahuan guru penting ketika memulakan pembelajaran dan menentukan isi kandungan pelajaran berdasarkan aras kebolehan pelajar. Untuk tujuan menjawab persoalan kajian ini, pengkaji menyediakan soalan khusus kepada peserta iaitu “*Apakah yang ustaz/ustazah faham tentang subjek yang diajar?*”

Setelah dianalisis dan dibuat pengekodan secara pengekodan membuka, pengekodan sisi dan pengekodan memilih, didapati sebanyak empat tema utama telah dinyatakan oleh peserta kajian di SRAI1 hingga SRAI4 berkaitan kompetensi pengetahuan mereka dari aspek isi kandungan iaitu; subjek, sukatan pelajaran, penghayatan amalan, dan minat. Kesemua peserta kajian dapat memberikan kefahaman yang jelas terhadap persoalan kajian ini dan mereka memberikan pandangan yang berbeza mengikut kompetensi pengetahuan mereka tentang isi kandungan yang diajar.

a) Subjek

Kompetensi GPI terhadap pengetahuan isi kandungan menghasilkan tema subjek. Hasil kajian mendapati terdapat enam subjek pendidikan Islam yang diajar oleh GPI SRAI iaitu bahasa Arab, al-Quran, Tajwid, Jawi, Sirah dan Akhlak. Subjek bahasa Arab merupakan subjek yang dominan yang diajar oleh GPI. Manakala lima subjek tidak menyerlah yang diajar oleh GPI SRAI iaitu al-Quran, Tajwid, Jawi, Sirah dan Akhlak.

*“Di sekolah saya mengajar subjek **bahasa Arab**, Akhlak, Sirah atau pun Dunia Seni Visual. (TB/Adibah/KP: 361).*

Dapatan ini menjelaskan, GPI yang mengajar subjek bahasa Arab merupakan suatu kelebihan. GPI dalam kajian ini mendapat kepercayaan terutama sekali pihak pentadbir sekolah dalam memberikan amanah untuk mengajar bahasa Arab di sekolah. Hasil pemerhatian pengkaji terhadap latar belakang pendidikan, terdapat GPI SRAI yang mengikuti kursus bahasa Arab semasa di institut pengajian tinggi samada di dalam atau di luar negara. Justifikasinya, pengetahuan sedia ada GPI tentang bahasa Arab dapat membuka ruang dan peluang seperti menjadi rujukan kepada murid dan rakan guru yang lain. Kenyataan ini turut disokong oleh Nurhanani Hussin dan Ab. Halim (2017), yang menyatakan bahawa guru yang mempunyai pengekhususan bidang menjadi pakar rujuk dan model peranan kepada murid.

b) Sukatan pelajaran

Kompetensi GPI terhadap pengetahuan isi kandungan menghasilkan tema sukatan pelajaran. Tema sukatan pelajaran merupakan tema yang dominan dalam kalangan GPI membincangkan sesuatu standard pembelajaran berdasarkan kriteria atau indikator kualiti yang ditetapkan agar murid dapat mencapai standard kandungan. Ustazah Syazanah mengetahui sukatan pelajaran yang diajar dengan menjelaskan sub topik dengan lebih berfokus.

*“...kita kenalkan dia **muzakkar muannas, mufrad, musanna, jamak**. Lepas tu disamping tu kita..dapat aa budak ni kenalkan perkara-perkara umumlah macam **pengangkutan, buah-buahan** kan yang asas kepada dioranglah”* (TB/Syazanah/KP: 167).

Selain dapat menerangkan tajuk yang diajar secara berfokus, pengetahuan sukatan pelajaran secara bertahap juga dapat dijelaskan oleh GPI. Mata pelajaran bahasa Arab dibahagikan kepada dua tahap iaitu tahap satu dan tahap dua. Tahap satu terdiri daripada murid tahun satu, dua dan tiga. Manakala tahap dua terdiri daripada murid tahun empat, lima dan enam. Tambahan pula, kedua-dua tahap pembelajaran ini memiliki aras yang tertentu.

*“Bagi tahap satu pengenalan kepada subjek ini, dia punya **aras dia rendah sikit dan mudah**”.* (TB/Adibah/KP: 366).

*“Bagi tahap dua pulak subjek bahasa Arab ini merentas **tajuk-tajuk yang lebih tinggi arasnya**”* (TB /Adibah/KP: 380).

Selain itu juga, sebagai GPI yang mengajar subjek bahasa Arab perlu bersedia dan kaya dengan perbendaharaan kata. Natiujahnya adalah bagi murid yang mempelajari bahasa Arab, mereka kadang kala ingin mengetahui maksud sesuatu ayat secara spontan.

*“Mereka akan tanya setiap kali kita mengajar mereka. **Kadang-kadang akan bertanya maksudnya...apa maksudnyakan**”.* (TB/Adibah/KP: 386).

Lain daripada itu, seseorang guru yang mengajar subjek bahasa perlu mahir dalam aspek sintaksis. Sebagai contoh kenyataan dari ustazah Adibah; *“Jadi secara langsung dia ada **aspek sintaksis** kat situ.”* (TB/Adibah/KP: 388). Hasil temu bual terhadap kumpulan murid ustazah

Adibah juga menunjukkan pembelajaran dengan memberikan maksud dalam sesuatu bahasa dapat meluaskan lagi pengetahuan murid. Menurut Murid A; “...*setiap kali tak faham bahasa Arab ke ustazah boleh **translate** supaya kita orang lebih faham lah dalam bahasa Arab*” (MGPI4: 216).

Seterusnya pengetahuan aspek fonologi guru terhadap pelajaran bahasa Arab dapat mengetahui kriteria yang menunjukkan tahap-tahap prestasi seseorang murid telah dicapai atau belum. Menurut ustazah Adibah, seorang murid mencapai tahap prestasi dalam bahasa Arab apabila dapat menulis dan menyebut bahasa Arab dengan betul dan tepat.

*“Jadi secara tak langsung aspek fonologi tu diberi penekanan. Maknanya bagaimana cara **sebutan yang lebih tepat** dalam bahasa Arab”*. (TB/Adibah/KP: 374).

Menjelaskan lagi dapatan kajian ini, standard pembelajaran merupakan tahap pembelajaran yang boleh dicapai oleh murid. Menurut ustaz Iman, beliau dapat menjelaskan standard pembelajaran Tajwid terhadap murid adalah dengan mencapai kesempurnaan bacaan al-Quran terutama sekali dalam melaksanakan ibadah solat dengan lebih berkualiti.

*“Tajwid sangat **menitik beratkan tentang kesempurnaan bacaan**. Jika tidak sempurna bacaan kita maka tidak sempurna lah solat kita”*. (TB/Adib/KP: 193).

Dalam pada itu, sesuatu amalan khususnya dalam ibadah memerlukan ilmu dan pengetahuan dalam melaksanakannya agar menepati syariat yang berkualiti. Setiap GPI sebelum melaksanakan sesuatu PdPc terhadap subjek yang diberikan, pengetahuan isi kandungan adalah penting sehingga mereka dapat mengamalkan dalam kehidupan harian.

*“Ini kerana semua tajuk pengajaran saya telah dapat kuasai sepenuhnya dan saya **aplikasikan dalam kehidupan** saya terutamanya solat”*. (TB/Adib/KP: 191).

Oleh yang demikian, pengetahuan GPI SRAI terhadap isi kandungan terutama sekali sukatan pelajaran memudahkan lagi proses pembelajaran di dalam kelas. Kajian ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Awatif et al., (2019) yang menyatakan pembelajaran subjek bahasa Arab perlu dilaksanakan secara bersepadu dan melalui pelbagai peringkat bermula dengan pembelajaran yang mudah, pertengahan dan tinggi.

c) Penghayatan amalan

Kompetensi pengetahuan isi kandungan GPI terhadap penghayatan amalan juga memberikan gambaran kepada murid agar mengambil sikap kesedaran sivik seperti menghargai dan pengajaran dalam kandungan pelajaran yang diajar. Menurut ustazah Adibah, pelajaran Sirah yang diajar memudahkan beliau membuat hubungkait dengan kisah pengorbanan Nabi dan Rasul dalam kehidupan manusia.

*“Tujuan dia ialah supaya murid ini tahu **menghargai apakah dia pengorbanan** yang dilakukan oleh rasul-rasul, nabi-nabi terdahulu dalam masa menyampaikan dakwah Islamiah”.* (TB/Adibah/KP: 415).

Tambah ustazah Adibah lagi, pengetahuan GPI terhadap isi kandungan penghayatan amalan terutama dalam aspek kerohanian pula adalah penting bagi membentuk nilai murni dan sahsiah yang terpuji kepada murid. Kenyataan ini dijelaskan dalam penjelasan beliau;

*“Jadi penekanan kepada pembentukan nilai murni dan sahsiah yang baik dan juga dia boleh menyentuhlah **aspek kerohanian** dalam diri seseorang...”* (TB/Adibah/KP: 409).

Selain itu, ustazah Adibah menjelaskan profesion seorang guru perlu memberikan satu galakkan dan motivasi kepada murid bagi membina dan menerapkan nilai-nilai murni. Guru yang mengamalkan nilai murni, dapat menerapkan hikmah dan mengharapkan satu kesan yang baik apabila murid melaksanakan dalam kehidupan mereka.

*“...apakah dia **hikmah** atau pengajaran kalau murid itu melakukan sifat tolong menolong....”* (TB/Adibah/KP: 399).

Berdasarkan dapatan tema di atas, pengetahuan penghayatan amalan yang diamalkan GPI SRAI ketika melaksanakan proses pengajaran yang meliputi aspek pengorbanan, pembentukan nilai murni dan sahsiah diri serta hikmah dalam sesuatu kebaikan selari dengan kajian yang dijalankan oleh Aisyah dan Latifah (2017) yang turut mendapati peranan guru terhadap pembangunan akhlak remaja merupakan berkat penerapan al-Quran dan al-Sunnah dalam kehidupan guru itu sendiri. Natijahnya, penghayatan amalan dapat memberikan kesan positif terhadap pembangunan akhlak murid.

d) Minat

Menurut Abdillah dan Haleefa (2011), minat seseorang individu terhadap sesuatu perkara dapat menentukan sesuatu kejayaan dalam bidang yang diceburi. Begitu juga dalam bidang pendidikan, guru yang minat terhadap mata pelajaran yang diajar dapat meningkatkan kualiti dalam proses pengajaran. Ustaz Amin menyatakan kesediaan mengajar pelajaran Jawi dan bahasa Arab di SRAI adalah atas dasar rasa minat yang mendalam.

*“Alhamdulillah. Tapi macam saya **memang minat**...memang minat dengan Jawi.”* (TB/Amin/KP: 132).

Timbul dasar minat GPI untuk mengajar sesuatu pelajaran dapat memberikan satu manfaat terutamanya dalam menghasilkan nota belajar. Pengetahuan sedia ada GPI terhadap sukatan pelajaran dapat menghasilkan nota agar dapat memberikan satu rujukan dan pemahaman terhadap murid. Penjelasan ini dinyatakan oleh ustaz Amin dalam beliau mengambil inisiatif menghasilkan nota sendiri.

“Saya dapat buat nota sendiri lepas tu saya bagi...saya buat nota sendiri. Sebab sekarang dah ada nota terbaru, jadi sampinganlah.” (TB/Amin/KP: 137).

Persediaan GPI sebelum mengajar memerlukan mereka dalam melihat semula nota pembelajaran agar PdPC berkesan. Menurut ustaz Amin, dalam mengajar mata pelajaran Jawi memerlukan beliau menyemak nota yang terkini dari dalam buku teks dan juga sumber dari internet jika ada istilah atau ejaan Jawi yang baharu.

“...sebelum ini kita kena baca apa balik, apa nota yang kita ajarlah. Sebab kita lihat balik muka surat berapa, lepas tu apa” (TB/Amin/KK: 238).

Minat yang mendalam GPI terhadap sesuatu pembelajaran juga dapat melahirkan rasa kepuasan diri. Ini adalah kerana, minat yang mendalam dapat menimbulkan keyakinan diri yang kuat tambahan pula pengetahuan asas bahasa Arab didapati GPI ketika belajar di timur tengah dahulu menjadi batu loncatan dalam menyebarkan pengetahuan ke seluruh warga sekolah.

*“..so bila kita ada basic Bahasa Arab, kita pernah belajar dulu di timur tengah dulu kan. Jadi benda tu kita bukan setakat kita mengajar **kepuasan kita mengajar Bahasa Arab** kepada budak, dan kita boleh mengajar guru-guru lain”.* (TB/Zakwan/KP:174).

Dapatan kajian ini berbeza dengan perspektif kajian Gamal, Salwa dan Aliff (2015) yang mendapati terdapat segelintir guru pendidikan Islam yang tidak berminat dalam membawa inovasi dalam pengajaran mereka. Sebaliknya, pengkaji mendapati bahawa pengetahuan GPI terhadap minat sesuatu subjek yang diajar di sekolah dapat meningkatkan kualiti pembelajaran kerana lahir satu sifat kepuasan diri sehingga menghasilkan inovasi dalam pendidikan.

Dapatan kajian ini selari dengan saranan KPM (2006) yang menyatakan bahawa guru yang berjiwa pendidik menunjukkan rasa minat yang mendalam terhadap kerjaya mereka. Saranan ini juga selari dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Yakcop dan Chua (2017), yang menyatakan minat mendalam guru dalam kerjaya pendidikan dapat memajukan murid serta sekolah. Walau bagaimanapun, dari perspektif lain menunjukkan tiada perbezaan kompetensi minat dalam kerjaya sepertimana kajian yang dijalankan oleh Pranay (2020).

PERBINCANGAN

Pengetahuan GPI SRAI terhadap subjek yang diajar di dalam bilik darjah dapat membantu mereka dalam menyusun teknik-teknik dan strategi pengajaran. Kenyataan ini selari dengan pandangan Anuar (2017) yang menyatakan pengetahuan guru tentang isi kandungan merupakan satu konstruk dalam menjelaskan bidang kefahaman seseorang guru terhadap mata pelajaran yang diajar sebelum diterjemahkan dalam bentuk pengajaran di dalam bilik darjah. GPI dapat mengetahui sesuatu standard kandungan berdasarkan pernyataan tajuk yang spesifik bagi pengetahuan dan pemahaman murid. Kesemua GPI dalam kajian ini dapat menyatakan setiap mata pelajaran yang diajar dengan jelas.

GPI yang berpengetahuan luas terhadap subjek yang diajar, dapat memahami ibrah isi kandungan pelajaran tersebut sehinggakan dapat menghayati amalan-amalan dalam kehidupan seharian. Guru pendidikan Islam adalah beruntung kerana mata pelajaran bukan sahaja dilihat dari segi akademik, tetapi dapat diamalkan juga dalam kehidupan harian. Dapatan kajian ini selari dengan kajian yang dijalankan Ab. Halim, Khadijah, Mohd Aderi dan Mohd Izham (2016), yang mendapati bahawa aspek amalan agama yang diamalkan oleh guru-guru Pendidikan Islam melalui kaca mata murid mereka adalah tinggi. Seperti contoh dalam konteks ibadah, guru yang mengajar pelajaran Tajwid, di samping memiliki pengetahuan yang tinggi dalam mata pelajaran tersebut mereka juga dapat mengamalkannya ketika dalam pembacaan al-Quran. Sesuatu amalan khususnya dalam ibadah memerlukan ilmu dan pengetahuan dalam melaksanakannya agar menepati syariat yang berkualiti.

Penghayatan amalan ini bukan tertakluk kepada amalan ibadah, tetapi juga nilai-nilai murni yang dapat diterapkan. GPI dapat membina sahsiah yang terpuji terhadap peribadi diri guru mahu pun murid. Kenyataan ini bertepatan dengan pandangan Rohana, Tengku Norzaini, Sarimah dan Ros Eliana (2013). Menurut Rohana et al. (2013), penerapan nilai-nilai murni, mendidik pelajar supaya berakhlak, bermoral dan mengamalkan budaya yang baik merupakan ciri yang perlu dimiliki oleh seorang guru. Kesedaran dan pengajaran ini diberikan secara galakan dan motivasi serta penerapan secara berhikmah agar pengharapan terhadap murid dapat memberikan kesan yang baik apabila murid melaksanakan dalam kehidupan mereka.

Dapatan ini juga selari dengan kajian yang dijalankan oleh Nor Hayati Fatmi, Adibah Hasanah Bani Hidayat (2018) yang turut mendapati bahawa aspek penghayatan akhlak berada pada tahap tinggi secara keseluruhannya dan mempunyai hubungan dari aspek Akidah dan Syariat.

Pengetahuan subjek ini juga dapat dikaitkan dengan aspek kerohanian guru dalam membentuk nilai murni dan sahsiah yang terpuji terhadap murid. Penerapan ini tidak lain hanya menerapkan kehidupan ini hanya untuk Allah SWT dan memahami erti kata ganjaran pahala dan dosa. Menurut Ong, Zamri dan Mohd Izham (2017) guru disarankan agar mempersiapkan diri dengan ilmu pengetahuan tentang nilai murni, kebudayaan dan kepercayaan komuniti setempat bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang efektif. Kepentingan penghayatan nilai murni juga adalah penting diterapkan ke dalam pendidikan bagi menentukan jenis manusia yang diinginkan.

Penerapan nilai murni ini tidak hanya dikhususkan terhadap murid sahaja, malahan GPI yang berpengetahuan tinggi terhadap subjek dapat dimanfaatkan juga bersama rakan sejawatan guru yang lain. Konsep membimbing rakan sekerja diamalkan oleh GPI SRAI agar melahirkan satu amalan jariah dan kepuasan diri mereka. Kenyataan ini selari dengan pendapat Mohd Khairi dan Asmawati (2010) bahawa penghayatan nilai murni ini juga dapat membentuk tingkahlaku seseorang dengan berfikir dan bertindak dalam mencorakan kebudayaan atau norma sesebuah masyarakat.

RUMUSAN DAN KESIMPULAN

Kajian ini menjelaskan bahawa tiada perbezaan yang ketara daripada segi kompetensi di antara guru cemerlang pendidikan Islam di JAIS dengan guru cemerlang di KPM. Kualiti kompetensi kedua-duanya tidak menunjukkan jurang perbezaan yang ketara terutama sekali dalam standard

kompetensi pengetahuan, kemahiran dan sifat keperibadian guru. Hasil kajian ini diharap dapat memudahkan pihak JAIS dalam memilih guru-guru yang cemerlang serta berkemampuan.

Kesimpulannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat beberapa mekanisme yang mempengaruhi kompetensi pengetahuan GPI di SRAI. Mekanisme ini merupakan pemangkin dalam kualiti pengajaran dan pembelajaran guru dan ianya sesuai bagi semua guru-guru tanpa dibataskan kepada bidang-bidang tertentu. Oleh yang demikian, adalah diharapkan tumpuan khusus terhadap kompetensi pengetahuan perlu diberi perhatian yang serius oleh guru-guru agar dapat memahami tanggungjawab dalam menyampaikan ilmu dengan pelbagai cara mengikut perkembangan semasa.

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri, Khadijah Abdul Razak, Mohd Aderi Che Noh, & Mohd Izham Hamzah. 2016. Persepsi murid-murid terhadap amalan guru Pendidikan Islam di Malaysia. e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi Edisi Khas Vol. 3, No.2-1 (Jun 2016) 18 – 40 e-ISSN 2289-7909.
- Abu Hasan, R. 2014. Kompetensi Guru Bukan Opsyen Yang Mengajar Kemahiran Teknikal Di Kolej Vokasional Negeri Pahang. *Ijazah Sarjana Pendidikan Teknikal (Rekabentuk Instruksional Dan Teknologi)*, 2–48.
- Anuar Ahmad. 2017. Pengaruh pengetahuan isi kandungan terhadap aplikasi pengajaran yang berkesan dalam kalangan guru-guru Sejarah. *International Conference on Global Education V “Global Education, Common Wealth, and Cultural Diversity*. Universitas Ekasakti, Padang, 10-11 April 2017.
- Awang Had Salleh. 1998. *Universiti Sebagai Taman Minda*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Awatif Abdul Rahman, Mohd Shafie Zulkifli, Muhammad Hashimee, Ainon Wazir, Muafah Sayed. 2019. Tahap Kompetensi Guru Bahasa Arab di SABK di Malaysia: Satu Dimensi. *Journal of Social Sciences and Humanities*. UKM. Vol.16, No.2 (1-13), ISSN: 1823-884x.
- Daud, I. 2003. Mengenal pasti masalah-masalah dalam melaksanakan Standard ISO 9000. Tesis tidak diterbitkan. Bangi: UKM
- Dewan Selangor. 2017. Berkaitan Guru Jais. Diperoleh daripada <http://dewan.selangor.gov.my/question/berkaitan-guru-jais/>. [10 April 2021].
- Dharma, Agus. 2003. *Manajemen Supervisi*. Cetakan Kelima, Raja Grafindo Persada, Jakarta.
- Freeman, D. 2017. The Case for Teachers’ Classroom English Proficiency. *RELC Journal*.
- Gamal Abdul Nasir Zakaria, Salwa Mahalle, & Aliff Nawati. 2015. Kajian Amalan Pengajaran Guru Bahasa Arab Sekolah Menengah di Negara Brunei Darussalam. *Q- jIE The Online Journal of Islamic Education*, 3(1), 32–40.
- Harakah Daily. 2017. Guru kontrak JAIS tidak diserap secara automatik. Diperoleh daripada <https://harakahdaily.net/index.php/2017/11/06/guru-kontrak-jais-tidak-diserap-secara-automatik/>. [10 April 2021].
- Hay Mcber. 2007. *Model Kompetensi Iceberg*. Dlm I. Mohammed Sani (Ed.), *Profesion Perguruan*. Bangi: Jabatan Asas Pendidikan, Fakulti Pendidikan.

- Idris, N. H. & Hamzah, R. 2013. Nilai profesionalisme bakal guru berteraskan indikator Standard Guru Malaysia (SGM). *Jurnal Teknologi (Sciences and Engineering)* (60) 31–37.
- Ilhaamie Abdul Ghani Azmi, Zainal Ariffin Ahmad, & Yuserrie Zainuddin. 2008. Competency based Career Development and Performance Management Practices and Service Quality in Malaysian Public Organizations. Diperolehi dari <http://wbiconpro.com/Management/408-478-Azmi,I%20%26%20Others.pdf>. [28 Oktober 2019].
- JAIS. 2019. Bahagian Pendidikan Islam. Diperoleh daripada <https://www.jais.gov.my/v2/page.php?s=pendidikan-islam>. [6 Ogos 2019].
- Kamarul Azmi Jasmi, Ab Halim Tamuri & Mohd Izham Mohd Hamzah. 2010. Faktor Pentadbir dan Pengetua dalam kecemerlangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam dan Guru di sekolah menengah: Satu kajian kes. *Jurnal Pendidikan Islam Dan Bahasa Arab*, 2(1):13–20.
- Kamarul Azmi Jasmi. 2012. Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif in *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012* at Puteri Resort Melaka on 28-29 Mac 2012. Organized by Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Jalan Datin Halimah, 80350 Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021). Standard Guru Malaysia 2009. Diperoleh daripada <https://www.moe.gov.my/images/kpm/pemberitahuan/standard%20guru%20malaysia%20-%202009.pdf> [28 Mac 2021].
- Malaysia, JPA. (2005). Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005:Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam. Putrajaya, Malaysia: Kerajaan Malaysia.
- Mohamad Khairi Othman dan Asmawati Suhid. 2010. Peranan sekolah dan guru dalam pembangunan nilai pelajar menerusi penerapan nilai murni: Satu sorotan. *MALIM-SEA Journal of General Studies*, 11, 117-130. www.myjournal.my/filebank/published_article/23385/Artikel_9.pdf [19 Mei 2020].
- Mohammed Sani Ibrahim, Ahmad Zabidi dan Husaina Banu. 2015. *Strategi implementasi pelan pembangunan pendidikan Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd Hanif Ismail. 2021. Struktur Pelan Operasi Latihan Jabatan Agama Islam Selangor Skim Perkhidmatan Gred DG 29. Institut Murabbi Negeri Selangor. Temubual, 10 Mac.
- Mohd Kamal Radiman. 2012. Tahap Kefahaman dan Amalan Guru Terhadap Pendidikan Integrasi Di Sekolah Rendah Agama Integrasi. Tesis Dr. Fal, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hasmaliza Hasan. 2016. Penerapan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam pengajaran guru Bahasa Melayu daerah Kuala Terengganu. Tesis Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hayati Fatmi Talib, Adibah Hasanah Abd Halim, & Bani Hidayat Mohd Shafie. 2018. Tahap pengetahuan pendidikan Islam dan penghayatan akhlak pelajar semester 1, satu kajian di Politeknik Banting Selangor. *JQSS – Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs* Vol. 2 (2) December 2018, no. ISSN 2590-3799.
- Nordhaug, O. & Gronhaug, K. 1992. Strategy and competence in firms. *European Management Journal*, Vol. 10, No. 4, p. 438 – 442.

- Nurhanani Hussin & Ab. Halim. 2017. Faktor Perkembangan Pengetahuan Kandungan Pedagogi Dalam Kalangan Guru Cemerlang pendidikan Islam. *The Online Journal Of Islamic Education* November 2017, Vol. 5, Issue 2.
- Ong Sze Chong, Zamri Mahamod & Mohd Izham. 2017. Meneroka kaedah pengajaran guru cemerlang bahasa Melayu negeri Sarawak: Satu Kajian Kes. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. ISSN: 2180-4842. Vol. 7, Bil. 1 (Mei 2017): 93-108).
- P, Pranay. 2020. Status of professional competency of teacher educators. *Journal of Xi'an University of Architecture & Technology*. Volume XII, Issue X, 2020 ISSN No : 1006-7930. Page No: 962
- Permohonan.my. 2021. Apa itu guru interim, guru sandaran? Diperoleh daripada <https://www.permohonan.my/apa-itu-guru-interim-guru-sandaran/>. [10 April 2021].
- Rohana Hamzah, Tengku Norzaini Tengku Ibrahim, Sarimah Ismail & Ros Eliana Ahmad Zuki. 2013. Pembangunan Jiwa Pendidik dalam Kalangan Bakal Pendidik. *Jurnal Teknologi 61:1*. Penerbit UTM Press; hlm 27-31.
- Siti Aisyah Kamaruddin & Latifah Abdul Majid. 2017. Peranan Murabbi Terhadap Pembangunan Dan Pembentukan Akhlak Remaja. *Jurnal al-Turath*; Vol. 2, No. 2;.
- Srai Selangor. 2011. Perjawatan Guru DGA29 (Kontrak) Di SRAI Negeri Selangor. *Buletin Srai Selangor*. Diperoleh daripada <http://sraiselangor.blogspot.com/2011/08/perjawatan-guru-dga-29-kontrak-di-srai.html>. [7 Ogos 2019].
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. 1998. *Filsafat dan praktis Pendidikan Islam*. Bandung: Penerbitan Mizan.
- Yacop Jantan & Chua Yan Piaw. 2017. Kompetensi guru dalam membentuk sahsiah pelajar sekolah. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan 2017*, 4(3). E-ISSN:2289-9669.